

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG  
(MARANG)**

**TARIKH : 31 OKTOBER 2016 (ISNIN)**

**NO. SOALAN : 20**

**Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang (Marang) minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah pelan tindakan pembiayaan politik berintegriti yang telah dirangka oleh Jawatankuasa Konsultatif Nasional Mengenai Pembiayaan Politik (JKNMPP) dan sejauh mana Kerajaan bersedia melaksanakan cadangan yang dikemukakan.**

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tan Sri Yang di-Pertua,

Pelan tindakan pembiayaan politik berintegriti yang telah dirangka oleh Jawatankuasa Konsultatif Nasional Mengenai Pembiayaan Politik (JKNMPP) menggariskan enam (6) prinsip

utama yang perlu menyokong kesemua langkah penambahbaikan sistem pembiayaan politik negara. Enam prinsip utama tersebut adalah keluhuran undang-undang, meningkatkan penyertaan masyarakat, perlindungan hak awam, ketelusan, akauntabiliti dan integriti serta persaingan politik yang sihat.

Berkaitan itu, JKNMPP telah mengesyorkan sebanyak 32 cadangan yang dibahagikan kepada tiga (3) kategori iaitu proses pelaksanaan, keperluan mewujudkan satu undang-undang yang baharu dan kandungannya, serta isu-isu yang lebih luas dan bersifat jangka panjang.

Secara prinsipnya, Kerajaan bersetuju dan menyokong kepada cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh JKNMPP. Laporan oleh JKNMPP ini akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jemaah Menteri.

Untuk makluman YB Marang, laporan penuh JKNMPP ini boleh diperolehi melalui laman sesawang [www.politicalfinancing.my](http://www.politicalfinancing.my).

Sekian, terima kasih.